

28/04/2001

Wakil BN mesti bersatu kuasai pembangkang di Parlimen

Zulkofli Jamaludin

TINDAKAN agresif ahli Parlimen pembangkang menggunakan segala peluang untuk mengetengahkan sesuatu isu di Dewan Rakyat, menyebabkan suasana persidangan sering kecoh. Malah, mereka sanggup bertindak keluar dari dewan beramai-ramai untuk mendesak penyokong kerajaan mengulangi kenyataan yang mengkritik kepemimpinan pembangkang di luar dewan.

Penyokong kerajaan pula lebih gemar mendiamkan diri dan menjadi pemerhati serta pendengar setia apabila pembangkang melakukan sesuatu. Keadaan itu tidak sepatutnya berlaku kerana jumlah ahli pembangkang hanya 45 orang sedangkan Barisan Nasional (BN) mempunyai 148 orang. Penyokong kerajaan sepatutnya menguasai dewan ketika perbincangan dengan mengetengahkan pandangan bernas.

Rabu lalu, Ahli Parlimen Sibu, Robert Lau Hoe Chew, bukan saja diasak di dalam dewan, malah anggota pembangkang berani mendesak beliau mengulangi kenyataan di luar dewan. Kejadian itu berlaku apabila Lau yang membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), menyentuh mengenai janji Pengerusi DAP, Lim Kit Siang beberapa tahun lalu untuk menubuhkan Universiti Kristian di Sibu, jika memenangi kerusi Parlimen berkenaan.

Kenyataan itu membuatkan Tan Kok Wai melenting dan bingkas bangun mencabar Lau membuat kenyataan di luar dewan. Tindakan Tan itu dituruti pula oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng. Tindakan mereka tidak berakhir di situ, sebaliknya Tan dan Ahli Parlimen Tanjong, Chow Kon Yew, menghampiri tempat duduk Lau dalam Dewan dan terus mencelah perbincangannya.

Apabila keadaan mula tegang barulah beberapa ahli Parlimen BN, termasuk Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datok), mengherdik Tan dan Chow supaya kembali ke tempat masing-masing.

Sikap agresif Ahli Parlimen DAP itu berlarutan sehingga di luar dewan apabila mereka beramai-ramai mengerumuni Lau dan mendesak beliau mengulangi kenyataannya mengenai Kit Siang.

Ketika perang mulut antara Lau dan tujuh wakil rakyat DAP di hadapan sekumpulan pelajar sekolah yang datang melawat Parlimen itu berlaku, hanya Ahmad Zahid datang membantu. Tindakan cepat Ahmad Zahid menarik Lau masuk semula ke dalam Dewan berjaya meredakan keadaan dan mengelak sebarang kejadian lebih buruk.

Beginilah sikap agresif pembangkang yang bukan saja lantang mengkritik, malah sanggup datang beramai-ramai mendesak dan mencabar penyokong kerajaan sehingga luar dewan. Kejadian seumpama itu dapat dielakkan sekiranya penyokong kerajaan mempunyai semangat setiakawan mempertahankan rakan dan kerajaan apabila pembangkang memburukkan dasar pemerintah.

Mengulas kejadian itu, Ahmad Zahid berkata, masalah berkenaan boleh dielakkan sekiranya Timbalan Dipertua Dewan Rakyat cepat mengawal keadaan dan tidak memberi peluang kepada pembangkang bertindak sewenang-wenangnya.

Sikap terlalu lembut terhadap desakan pembangkang, katanya menyebabkan ramai penyokong kerajaan tidak dapat membahaskan usul RM-8 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu.

Kegagalan mengawal masa menyebabkan wakil rakyat pembangkang yang membahaskan usul, meleret-leretkan. Ada ahli pembangkang mengambil masa lebih dua jam untuk membahaskan usul berkenaan pada hari pertama dan kedua perbincangan.

Masa yang terlalu panjang dan tidak terkawal itu menyebabkan wakil rakyat lain hanya berpeluang membahaskan usul selama 30 minit dan

kemudiannya disingkatkan kepada 10 minit pada hari ketiga daripada empat hari yang diperuntukkan.

Tempoh yang diperuntukkan itu terlalu singkat dan menyukarkan wakil rakyat untuk mengemukakan pandangan bernas, bagi memastikan program yang akan dilaksanakan dalam RM-8 untuk tempoh 2001-2005, benar-benar dapat memanfaatkan rakyat secara maksimum.

Ahmad Zahid berkata, Timbalan Yang Dipertua Dewan tidak wajar memberi peluang atau tunduk kepada tuntutan pembangkang untuk berucap secara berselang-seli dengan penyokong kerajaan, kerana nisbah jumlah ahli Parlimen pembangkang dan BN ialah 1:3.

Sehubungan itu, katanya, sekurang-kurangnya dua wakil rakyat BN diberi peluang berucap, sebelum diikuti satu wakil pembangkang bagi membolehkan lebih banyak pandangan atau idea bernas daripada penyokong kerajaan dapat diketengahkan.

Pandangan yang sama turut disuarakan oleh Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Ruhanie Ahmad, yang terpaksa meninggalkan hampir separuh daripada teks ucapannya apabila tempoh perbahasan dipendekkan. Keadaan itu menyebabkan usaha mereka mengumpul maklumat untuk memastikan perbahasan bermutu tidak dapat disampaikan.

Selain itu, wakil rakyat BN tidak wajar memberi peluang atau membuka ruang kepada pembangkang mengganggu dewan seperti yang berlaku pada hari pembentangan RM-8, Isnin lalu. Pembentangan itu tertangguh kira-kira 10 minit selepas ahli Parlimen pembangkang membantah keputusan Timbalan Yang Dipertua, Lim Si Cheng, menolak usul penggunaan wang ihsan RM40 juta yang disalurkan kepada tiga institusi pendidikan di Terengganu.

Usul itu bukan dikemukakan pembangkang, tetapi oleh Ahli Parlimen Kinabatangan, Bung Moktar Radin, yang mendapat sokongan penuh pembangkang khususnya untuk mencari peluang dan publisiti murahan. Inilah kecekapan pembangkang, yang pandai merebut peluang untuk mengganggu dewan kerana pembentangan RM-8 itu disiarkan secara langsung Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Keadaan seperti itu boleh dielakkan sekiranya wakil rakyat BN mengadakan perbincangan sesama sendiri dan menggunakan Kelab Penyokong Kerajaan untuk berbincang, sebelum mengemukakan usul. Dari satu sudut pandangan individu mengenai sesuatu isu dapat mendedahkan kelemahan pembangkang, tetapi sekiranya silap membuat perhitungan ia akan mendedahkan kelemahan penyokong kerajaan sendiri.

Pengalaman Bung Moktar itu seharusnya menjadi pengajaran kepada wakil rakyat lain bagi mengelak usul yang dibawa ke Parlimen tidak menikam balik kerajaan kerana pembangkang sentiasa menanti peluang untuk memburukkan pemerintah kerana itu adalah sebahagian daripada kerja mereka iaitu membangkang.

Bagi membendung gejala itu, penyokong kerajaan perlu melengkapkan diri dengan maklumat dan pengetahuan supaya setiap hujah pembangkang dapat dipatahkan serta jangan membiarkan mereka melemparkan tuduhan sewenang-wenang. Sikap yang ditunjukkan oleh Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Mohamad Aziz, yang sanggup bangun berulang-kali untuk membantah ucapan Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Nor, harus dicontohi.

(END)